
DATE: 29 July 2020

PUBLICATION: BERNAMA

WEBSITE: https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1865370









KUALA LUMPUR, 29 Julai -- Kontraktor TRC Synergy Bhd berhasrat untuk mendapatkan kontrak tambahan daripada kontraktor utama dalam usaha melonjakkan prestasi syarikat meskipun dalam persekitaran yang mencabar.

Pengarah urusan Tan Sri Sufri Mohd Zin berkata syarikat pada masa ini mempunyai nilai perolehan kontrak dalam tangan berjumlah RM1.5 bilion, yang akan bertahan sehingga 2022, dan kini ia meninjau RM1.5 bilion lagi dari segi tender untuk menambah kedudukan nilai perolehan kontrak sedia ada.

"Kami percaya dengan rekod prestasi dan pengurusan syarikat, kami mampu mendapatkan projek yang kami sasarkan itu," kata beliau selepas mesyuarat agung tahunan syarikat ke-23 hari ini.

Bulan lepas, dilaporkan syarikat telah berjaya mendapatkan kontrak baharu untuk membina stesen bertingkat Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya Mass Rapid Transit Line 2 (MRT2 SSP).

Kontrak itu diperoleh selepas ia mendapat projek bernilai RM118.8 juta untuk membaik pulih kilang wang Bank Negara Malaysia di Shah Alam, yang diumumkan Oktober lepas.

Mengenai prestasi syarikat, beliau berkata 2019 merupakan tahun yang mencabar kerana banyak projek telah dikaji semula, namum, syarikat berjaya mengatasinya dengan tapak yang lebih kukuh.

"Bagaimanapun, tahun ini, kita berhadapan dengan situasi yang sama sekali berbeza terutama dengan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan selama tiga bulan bagi mengekang penularan COVID-19," kata beliau.

Pada suku pertama tahun kewangan 2020, prestasi syarikat merosot selepas menyaksikan penurunan keuntungan bersih kepada kerugian berjumlah RM414,000 berbanding untung sebanyak RM13.03 juta pada suku yang sama tahun lepas.

Sementara itu, hasil pula turun kepada RM137.63 juta daripada RM195.74 juta dalam suku yang sama.

-- BERNAMA